

TARIKH : 20 MEI 2025
AKHBAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 21

[JS-SEZ] 20/05/2025 : Berita Harian (ms 21) Rangka Tindakan JS-SEZ dilancar hujung tahun ini

Bisnes

Selasa, 20 Mei 2025
bhbiz@bh.com.my

Rafizi dan Onn Hafiz bersama wakil rakan strategik pada Persidangan Rakan Kongsi JS-SEZ. Memperkasa Pemudahcaraan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/ra)

Rangka Tindakan JS-SEZ dilancar hujung tahun ini

Kerajaan pastikan pelaksanaan lebih terancang, rujukan sehati untuk pelabur

Oleh Alzahrin Alias dan Suzallina Halid
bhbiz@bh.com.my

Kerajaan akan melancarkan Rangka Tindakan Zon Ekonomi Khas JohorSingapura (JS-SEZ) menjelang akhir tahun ini bagi memastikan pelaksanaan yang lebih terancang, berfasa dan berimpak tinggi.

Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, berkata rangka tindakan berkenaan akan menjadi pelan hala tuju komprehensif yang merangkumi visi jangka panjang, aspirasi strategik serta peluang pelaburan sedia ada.

Ini boleh dianggap sebagai dokumen rujukan sehati untuk pelabur, pembuat dasar dan orang awam, katanya ketika merasmikan Persidangan Rakan Kongsi JS-SEZ: Memperkasa Pemudahcaraan di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Malaysia dan Singapura sebelum ini buat pertama kalinya bersetuju menubuhkan pasukan petugas bersama bagi meneroka kerangka Zon Ekonomi Khas (SEZ) sebagai usaha rentas sempadan yang menyaksikan pelaburan berkepentingan seimbang oleh kedua-dua negara.

Kedua-dua negara kemudiannya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada Januari lalu dan menetapkan tempoh dua tahun untuk memuktamadkan perjanjian itu.

Singapura kini adalah pelabur asing kedua terbesar di Johor, menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) negeri itu dalam sektor pembuatan.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, JS-SEZ mula menarik perhatian pasaran global, sekaligus membuktikan pengiktirafan terhadap potensi inisiatif itu sebagai pemboleh ubah baharu dalam landskap ekonomi serantau.

Analisa jangka ekonomi

Namun, katanya, cabaran sebenar bukan sekadar memeterai perjanjian, sebaliknya memastikan pelaksanaan yang mampu menjana lonjakan ketara dalam aktiviti ekonomi.

Bagi menyokong pertumbuhan pelaburan, JS-SEZ turut menjalin kerjasama strategik melalui Surat Hasrat (LOI) bersama enam institusi kewangan utama iaitu Bank of America, HSBC, Sumitomo Mitsui Banking Corporation, CGS International Securities, Maybank dan CIMB.

Kerjasama ini mencerminkan aspirasi yang lebih besar daripada sekadar hubungan dua hala antara negara ASEAN, katanya.

Bellau berkata, inisiatif JS-SEZ turut menunjukkan iltizam terhadap keterbukaan dan kolaborasi rentas sempadan, walaupun berdepan suasana global yang semakin protektif.

Sekongan daripada Institusi kewangan teras ini adalah petunjuk paling nyata terhadap keyakinan terhadap potensi JS-SEZ setakat ini, katanya.

Rafizi berkata, pelaksanaan JS-SEZ akan berpaksikan empat tonggak utama, bermula dengan sokongan pembiayaan dalam sektor strategik seperti industri hijau, digital dan kreatif.

Ini akan dilaksanakan melalui penyediaan penyelesaian pembiayaan perdagangan, jaminan pelaburan serta kemudahan kredit bagi menarik lebih banyak FDI, katanya.

Tonggak kedua dan ketiga pula memberi fokus kepada promosi serta pembabitkan pihak berkepentingan menerusi rangkaian global institusi kewangan berkenaan.

Matlamatnya adalah untuk memanfaatkan jangkauan pegawai perhubungan korporat dan penasihat kekayaan peribadi bankbank ini di seluruh dunia, bagi mengatangkan peluang pelaburan kepada syarikat multinasional (MNC), firma ekuiti persendirian (PE), pejabat kerajaan dan pelabur individu, katanya.

Sementara itu, tonggak keempat membabitkan penyelidikan dan risikan pasaran yang akan menyediakan laporan ekonomi, analisis pasaran serta data sektor khusus secara berkala bagi menyokong pembangunan dasar dalam JS-SEZ.

Ini turut disokong oleh kajian penanda aras serta penilaian impak yang berterusan, katanya.